



Merangkumi

- Perkhidmatan pemungutan sisa pepejal dan pembersihan awam dikawal selia oleh SWCorp di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672.
- Perkhidmatan pemungutan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 di bawah kawal selia pihak berkuasa tempatan (PBT).

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Mematuhi SOP KKM, MKN, KPKT, KKR dan KBS.
- Sentiasa mematuhi kaedah pelaksanaan perkhidmatan pemungutan seperti yang dinyatakan dalam Manual Operasi Syarikat Konsesi / Kontraktor yang dilantik.

Waktu Beroperasi	7.00 pagi – 7.00 malam (lebih masa dibenarkan dengan kelulusan)	Waktu Kehadiran Pelanggan	Tidak Berkenaan	Kapasiti Pekerja	100%
-------------------------	--	----------------------------------	------------------------	-------------------------	-------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pemakaian peralatan perlindungan diri (PPE)	Mewajibkan pemakaian apron, pelitup muka (<i>face mask</i>), but dan sarung tangan (<i>glove</i>) kepada pekerja.
Penyediaan QR Code bagi pendaftaran	Majikan wajib menyediakan QR Code bagi tujuan pendaftaran.
Pendaftaran menggunakan aplikasi MySejahtera dan / atau QR Code	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan aplikasi MySejahtera untuk rekod kehadiran adalah diwajibkan. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan dibolehkan di kawasan yang tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain). Hanya individu dengan status “<i>Low Risk</i>” termasuk “<i>Casual Contact Low Risk</i>” dalam MySejahtera dibenarkan masuk ke dalam premis. Individu berstatus ‘<i>Close Contact</i>’ / ‘<i>Person Under Surveillance</i>’ / ‘<i>Suspected Case</i>’ / ‘<i>Confirmed Case</i>’ dan individu di bawah <i>Home Surveillance Order</i> (HSO) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pekerja hendaklah berdaftar dengan mengimbas QR Code melalui aplikasi MySejahtera.
Penjarakan fizikal	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter setiap masa semasa bertugas.
Peralatan perkhidmatan kutipan	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan <i>bin lifter</i> sepenuhnya semasa memindah sisa ke dalam kenderaan kompaktor dan tidak menyentuh sebarang sisa dengan tangan. Kaedah kutipan yang bersesuaian sekiranya menggunakan tong RORO. Menggunakan peralatan yang bersesuaian sekiranya perlu memindahkan sisa yang tidak diletak di dalam tong.
Peralatan pembersihan awam	<ul style="list-style-type: none"> Tidak menyentuh sebarang sisa dengan tangan; dan Menggunakan peralatan yang bersesuaian sekiranya perlu memindahkan sisa pembersihan awam.
Pelaksanaan perkhidmatan kutipan	Menyembur disinfektan pada tong sebelum aktiviti kutipan bermula dan pada PPE yang menyentuh tong setiap kali selepas membuat kutipan.



PELAN PEMULIHAN NEGARA - FASA 4

SOP PEMUNGUTAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

Dikemaskini pada 17 Februari 2022

Merangkumi

- Perkhidmatan pemungutan sisa pepejal dan pembersihan awam dikawal selia oleh SWCorp di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672.
- Perkhidmatan pemungutan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 di bawah kawal selia pihak berkuasa tempatan (PBT).

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Mematuhi SOP KKM, MKN, KPKT, KKR dan KBS.
- Sentiasa mematuhi kaedah pelaksanaan perkhidmatan pemungutan seperti yang dinyatakan dalam Manual Operasi Syarikat Konsesi / Kontraktor yang dilantik.

Waktu Beroperasi

7.00 pagi – 7.00 malam (lebih masa dibenarkan dengan kelulusan)

Waktu Kehadiran Pelanggan

Tidak Berkenaan

Kapasiti Pekerja

100%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pemakluman kepada penerima sisa	Memaklumkan kepada penerima sisa berkaitan sisa dari stesen kuarantin. Penerima sisa mestilah dibekalkan senarai kenderaan yang mempunyai laluan kutipan dari stesen kuarantin. Sisa daripada kenderaan kutipan ini perlu dilupuskan terus tanpa melalui apa-apa proses pra-rawatan lain.
Pembersihan sendiri, peralatan dan kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan PPE pakai buang dibuang mengikut kaedah yang ditetapkan. PPE bukan pakai buang perlu dibersihkan dan didisinfeksi; • Pekerja dan pemandu perlu membersihkan tangan dan diri selepas operasi selesai dijalankan menggunakan disinfektan, <i>sanitizer</i> atau sabun mengikut kesesuaian; • Membasuh kenderaan dengan bahan detergen yang sesuai selepas selesai operasi; dan • Melakukan disinfeksi pada bahagian dalam kenderaan yang menempatkan pemandu dan pekerja, permukaan panel kawalan <i>bin lifter</i> atau panel jentera <i>arm-roll</i> serta semua peralatan yang telah digunakan.